



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL.: 03/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGEMASKINIAN GARISPANDUAN LANGKAH PERSEDIAAN DAN PENCEGAHAN
JANGKITAN CORONAVIRUS (COVID-19)
BAGI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Jabatan Perdana Menteri mengemaskinikan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 01/2020 mengenai langkah-langkah persediaan dan pencegahan jangkitan Coronavirus (COVID-19) yang perlu dilaksanakan antarlainnya selaras dengan siaran akhbar Kementerian Kesihatan bilangan KK/PR/2 bertarikh 11 Februari 2020 mengenai perkembangan situasi jangkitan Coronavirus (COVID-19) di seluruh dunia seperti berikut:-

1. Mesyuarat, Seminar dan seumpamanya dan kembali daripada bercuti dari Republik Rakyat China dan luar negeri

A. Republik Rakyat China

- 1.1 Warga Perkhidmatan Awam adalah dilarang untuk membuat sebarang perjalanan ke wilayah-wilayah **Hubei, Zhejiang dan Jiangsu** dan untuk menangguhkan sebarang perjalanan yang tidak penting ke wilayah-wilayah lain di Republik Rakyat China.
- 1.2 Mana-mana Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) hendaklah menangguhkan sebarang jemputan atau undangan kepada sesiapa yang berkunjung dari wilayah-wilayah **Hubei, Zhejiang dan Jiangsu**.

B. Negara-Negara Lain

- 1.3 Warga Perkhidmatan Awam adalah dinasihatkan untuk **seboleh-bolehnya mengelakkan** dari membuat perjalanan **yang tidak penting** ke negara-negara yang mempunyai risiko penularan jangkitan yang tinggi.

Negara-negara yang dikategorikan sebagai mempunyai risiko penularan jangkitan yang tinggi ialah **Jepun, Republik Korea, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand**. Senarai ini adalah tertakluk kepada perkembangan mengenai situasi penularan jangkitan penyakit ini dari masa ke semasa.



- 1.4 Warga Perkhidmatan Awam yang telah pergi ke negara-negara yang mempunyai risiko penularan jangkitan yang tinggi seperti di perenggan 1.3 hendaklah melaksanakan pemantauan diri (*self-monitoring*) selama 14 hari selepas tiba balik di negara ini.

Pemantauan diri (*self-monitoring*) bererti memantau kesihatan diri sendiri tanpa pengasingan diri selama 14 hari dan jika mereka mempunyai simptom-simptom demam panas atau tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk, selesema dan susah bernafas, mereka perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera di pusat-pusat kesihatan.

2. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 01/2020 mengenai Garispanduan Langkah Persediaan dan Pencegahan Jangkitan Coronavirus Baru (2019-nCoV) bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam adalah masih berkuatkuasa.
3. Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan dikemaskini dari masa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Menjayakan Wawasan Negara"

Dengan hormat

[PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]

Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (3) JPM/SK/2020
Tarikh : 19 Jamadilakhir 1441 / 13 Februari 2020